

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA / LEMBAGA BIDAN MALAYSIA (LJM / LBM)
UNIT PEPERIKSAAN**

TERMA RUJUKAN

PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Makluman tentang pendaftaran menduduki peperiksaan LJM / LBM akan dibuat melalui laman sesawang <http://www.spmj.moh.gov.my/kolej>

1. Permohonan untuk menduduki peperiksaan LJM/LBM bagi kali pertama dan ulangan hendaklah dibuat **melalui institusi/kolej pengajian kejururawatan.**
2. Borang Permohonan Menduduki Peperiksaan (**BKJ-BOR-PEP-05-01 Pin.1/2014**) boleh dimuat turun dari laman sesawang <http://nursing.moh.gov.my>
3. Tarikh tutup pendaftaran untuk menduduki peperiksaan adalah seperti yang tertera di dalam takwim peperiksaan LJM/LBM.
4. Semua calon mesti mendaftar melalui institusi/kolej. Calon yang tidak berdaftar tidak boleh menduduki peperiksaan.
5. Institusi/kolej perlu menghantar borang dan dokumen yang berkenaan mengikut **Tatacara Pengendalian Standard bagi Akreditasi Program Kejururawatan** (*Standard Operating Procedure for Accreditation of Nursing Programme*) kepada LJM/LBM sebelum tarikh tutup permohonan berpandukan takwim peperiksaan LJM/LBM tahun semasa.
6. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan **bayaran yuran** peperiksaan mengikut program.
7. **Dokumen yang tidak lengkap** atau tidak disertakan dengan bayaran tidak akan diproses.
8. **Permohonan** yang dihantar **selepas tarikh tutup** mengikut takwim peperiksaan LJM / LBM tahun semasa **tidak akan diproses.**
9. Pihak institusi/kolej pengajian bertanggungjawab **mengemas kini maklumat calon secara dalam talian**, iaitu menggunakan Sistem Pengurusan Maklumat Jururawat (SPMJ) dan mengesahkan maklumat pendaftaran pelatih adalah **lengkap dan tepat.**
10. Peluang menduduki peperiksaan LJM/LBM bagi semua program adalah sebanyak **4 kali** (pertama dan tiga kali ulangan).

11. Bayaran **yuran** peperiksaan **tidak akan dikembalikan** jika calon tidak menduduki peperiksaan pada tarikh yang telah ditetapkan.
12. Calon yang **menangguhkan** peperiksaan selepas mendaftar dan diberikan angka giliran perlu mengemukakan surat penjelasan/tunjuk sebab melalui institusi / kolej pengajian.
13. Calon yang telah mendaftar tetapi gagal hadir tanpa sebab atau alasan yang dibenarkan akan **hilang satu peluang** untuk menduduki peperiksaan sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Ahli Lembaga Jururawat Malaysia.
14. Calon mesti lulus peperiksaan LJM dalam tempoh **6 tahun** dari tarikh mula mengikuti pengajian di institusi/kolej.
15. Rayuan untuk mengulangi peperiksaan selepas habis peluang tidak akan dipertimbangkan melainkan bagi kes-kes tertentu.